

# KAUNSELING

Kaunseling bukanlah perkara baru malah manusia selalu melakukan aktiviti rundingcara sesama mereka dalam kehidupan sehari-hari. Sebenarnya setiap orang terlibat dalam aktiviti kaunseling baik secara langsung atau tidak langsung, terutamanya ibu bapa, guru, pemimpin agama, peguam, doktor, jururawat dan juga semua yang terlibat dengan proses mendidik dan kebajikan masyarakat. Kaunseling merupakan kebolehan seseorang menolong orang lain untuk mengatasi masalah dan mencapai kesejahteraan hidup di dunia. Apa yang ketara kaunseling merupakan alat asas bagi kebanyakan profesional. Secara amnya dapat dikatakan bahawa konsep kaunseling diamalkan di dalam bidang pendidikan, perubatan, agama, kemasyarakatan, pemulihian, perkahwinan dan keluarga.

Walau bagaimanapun, dalam profesion kaunseling, terdapat asas yang saintifik dan objektif daripada bidang psikologi, sosiologi, psikiatri, antropologi dan falsafah. Ia tumbuh dan berkembang hasil daripada dapat penyelelidikan tentang perkembangan sahsiah manusia serta teori-teori pembelajaran. Di samping itu, ia juga berkembang daripada situasi, faktor atau keadaan yang kurang saintifik dan kurang objektif. Ini berdasarkan kepada kepercayaan:

- Bahawa setiap individu dapat menentukan matlamat hidupnya dan memberi makna kepada kehidupan masing-masing.
- Mengakui hakikat bahawa hidup ini penuh dengan cabaran dan manusia bertanggungjawab terhadap arah kehidupan masing-masing.

**“Kaunseling adalah suatu proses perhubungan menolong yang sistematis berasaskan prinsip psikologi, yang dilakukan oleh kaunselor profesional bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi klien, yang baik dan menyeluruh secara sukarela sepanjang hayat, berlandaskan etika kaunseling”**

## Lembaga Kaunselor Malaysia

Kaunseling adalah proses interaksi yang membolehkan individu memahami diri dan suasannya. Proses ini akan mengakibatkan pembentukan atau penjelasan matlamat dan nilai hidup individu itu hingga dia dapat menentukan tindakan yang wajar untuk masa depannya. Berlaku perubahan pada klien. Kaunseling menolong klien memahami dirinya yang sebenar, apa kelebihan dan kekurangannya, potensi yang perlu dikembangkan dan kelemahan yang perlu di perbaiki.

Proses kaunseling berlaku apabila seorang klien diberi peluang untuk meneroka aspek diri dan kehidupan yang menimbulkan kesusahan atau masalah baginya. Penerokaan ini akan menimbulkan kesedaran tentang diri dan suasannya serta pilihan-pilihan yang ada padanya. Proses ini diharap akan dapat menolong klien itu mengesas halangan-halangan dan mengenal pasti bakat atau kebolehannya untuk hidup dengan lebih sempurna.

Perkembangan perkhidmatan kaunseling kini semakin meluas. Kaunseling bukan sahaja memberi fokus terhadap diri individu itu sendiri atau masalah dalam kehidupan sehari-harinya sahaja malah melangkaui perancangan

di masa hadapan. Misalnya kaunseling kerjaya yang menitikberatkan tentang perancangan kerjaya, potensi, bakat dan yang ada dalam diri individu dan perlu dikenalpasti sejak kecil lagi agar mereka dapat membuat pilihan kerjaya yang bersesuaian dengan diri mereka.

## UNIT KAUNSELING JHEPA UniMAP

Unit Kaunseling UniMAP dahulunya diletakkan di bawah Jabatan Canselor, kini telah dipindahkan ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni bermula 1 Oktober 2008.

Objektif Perkhidmatan kaunseling UniMAP adalah:

- Membantu mahasiswa dalam membuat perubahan tingkah laku, memotivasi diri ke arah kecemerlangan akademik dan sahsiah mahasiswa.
- Membantu meningkatkan pembangunan personel, potensi diri dan kematangan sosial dalam diri mahasiswa
- Membantu para mahasiswa agar lebih bersikap terbuka, sistematik dan mampu membuat pilihan yang sesuai dan terbaik bagi dirinya
- Membantu mahasiswa mengenali diri dalam persoalan yang dihadapinya demi menghasilkan perubahan imej yang positif.
- Membantu mahasiswa agar dapat membuat keputusan dengan tepat dan mempunyai kemahiran daya tindak
- Membantu mahasiswa agar sentiasa menghargai diri dan potensi yang ada dalam diri
- Membantu mahasiswa membuat perancangan kerjaya, mengenalpasti minat, kebolehan dan kecenderungan kerjaya melalui program-program kerjaya, sesi kaunseling kerjaya dan ujian-ujian psikologi minat kerjaya.

## PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

- Perkhidmatan Kaunseling Individu
- Perkhidmatan Kaunseling Kelompok
- Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya
- Tele Kaunseling
- E-mel
- Program motivasi/bengkel
- Ceramah
- Ujian-ujian Psikologi

Untuk mendapatkan perkhidmatan Kaunseling sila hubungi:

Pn. Wan Saniah Binti Wan Yahya  
Pegawai Psikologi  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniMAP  
Jalan Sarawak, Taman Bukit Kubu Jaya,  
02000  
Tel: 04-9851417 / 04-9851098  
Email: [wansaniah@unimap.edu.my](mailto:wansaniah@unimap.edu.my)